

05/10/2003

Lima buktikan keupayaan syarikat maritim tempatan

Wan Jailani Razak

EDISI ketujuh Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (Lima `03) melabuhkan tirainya hari ini (5 Oktober) selepas enam hari berlangsung. Orang ramai tentunya tidak mahu melepaskan peluang untuk melihat dari dekat jet pejuang dan kapal perang, selain sistem persenjataan canggih yang dipamerkan.

Di Pavilion Angkasawan dan Angkasa Lepas negara di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), pengunjung dapat menyaksikan beberapa peralatan yang bakal digunakan angkasawan negara yang akan meneroka angkasa lepas pada 2005.

Antaranya, 'Astronaut Training Chair' dan Gravitational Waled' manakala model seperti planetarium serta kapal angkasa ulang-alik milik Russia juga turut dipamerkan di pavilion itu yang buat pertama kali dikendalikan oleh Agensi Angkasa Negara.

Pavilion angkasa lepas negara turut mempamerkan model satelit terbaru negara iaitu RazakSat, sempena nama bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.

Lima menawarkan peluang yang cukup kepada semua pihak, termasuk mereka yang terbabit dalam industri berkenaan dan pegawai kerajaan untuk menilai pelbagai perkakasan ketenteraan dan peralatan awam yang dipamerkan.

Bagi negara di Asia Tenggara, pertahanan udara dan maritim amat penting kerana kebanyakan mereka terdiri daripada gugusan besar mengandungi pesisir pantai yang panjang dan bilangan pulau yang banyak perlu dilindungi.

Malah, Lima telah membuktikan bahawa syarikat maritim dan aeroangkasa tempatan kini mempunyai berkeupayaan untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Seperti kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, banyak syarikat tempatan kini terbabit dalam kerja pembuatan yang canggih dan berteknologi tinggi seperti membina kapal peronda, simulator, mengubah suai kapal terbang dan helikopter. Pertumbuhan syarikat maritim dan udara tempatan amat menakjubkan pada Lima `03 berbanding pada mula pameran LIMA dilancarkan pada 1991."

Dalam pada itu, pasukan aerobatik popular, Red Arrows dari Britain berjanji akan kembali memukau pengunjung Lima pada 2005 dengan aksi lebih mendebarkan biar pun persembahan ketika menutup tirai majlis pembukaan Selasa lalu, sudah cukup mempesonakan, terutama ketika melakukan fountain split, Gripen, Diamond 9 Apollo Bend dan Double Diamond Row.

Malah, kata Ketua Skwadronnya, Spike Jepsen, sejak sekian lama, pasukan itu menyifatkan Lima sebagai pertunjukan udara paling penting dalam kalendarnya dan sanggup terbang sejauh 5,600 kilometer untuk menyertai pameran itu.

Sebagai tanda terima kasih, Red Arrows memberikan penghormatan tertinggi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila menghadahkan pakaian seragam dan topi keledar anggota pasukan itu.

Perdana Menteri menerima G-suit, iaitu pakaian seragam yang digunakan oleh juruterbang pasukan berkenaan ketika membuat penerbangan, serta topi daripada Jepsen ketika mengunjungi gerai pasukan itu pertunjukan udara yang terkenal di seluruh dunia itu di MIEC, Rabu lalu.

Pesawat Hornet FA-18D Tentera Udara Diraja Malaysia yang mempamerkan formasi sukar di udara ketika perasmian Lima `03 dengan enam pesawat jenis itu daripada Skwadron No 18 berpangkalan di Butterworth, juga pasti

kembali. Begitu juga bagi juruterbang jet pejuang MiG-29N daripada skuadron No 17 dan No 19 yang berpangkalan di Kuantan.

Juruterbang pesawat itu yang melakukan beberapa aksi seperti knife edge, fan burst, afterburner loop dan vertical bombers tentu bangga jika dapat mendengar sorakan gemuruh penonton di bumi. Pengunjung pula tentu lebih bangga apabila mendapati juruterbang yang melakukan aksi berani itu adalah rakyat Malaysia.

Yang pasti, industri pelancongan juga menikmati pulangan daripada penganjuran Lima. Justeru, Lima pasti kembali walaupun dengan berat hati mengucapkan `Selamat Tinggal' kepada Dr Mahathir selaku Perdana Menteri.